

**KERTAS KONSEP**  
**ANUGERAH IKON GURU SUKAN, KOKURIKULUM DAN SENI**  
**SEMPENA PERAYAAN HARI GURU**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN 2019**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Anugerah Ikon Guru mula diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2013 sehingga kini sebagai anugerah tambahan sempena Sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan bagi memberi penghargaan terhadap pencapaian guru dari pelbagai bidang Pendidikan.

Setiap tahun terdapat penambahan anugerah Ikon Guru dari Bahagian-Bahagian KPM yang merangkumi semua aspek dalam pendidikan. Sehubungan dengan itu, pada tahun ini Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni akan menyelaras pemilihan Ikon Guru yang berfokuskan kepada bidang sukan, kokurikulum dan seni.

Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni adalah seorang yang berilmu, berpengetahuan, memiliki Kepimpinan dan pencapaian serta dapat menggunakan kelebihan dirinya untuk menyumbang bakti kepada masyarakat yang lebih besar bukan hanya dalam lingkungan bidang Pendidikan.

## **2.0 OBJEKTIF ANUGERAH**

- 2.1 Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah memberi sumbangan yang besar dan cemerlang dalam pelbagai bidang pendidikan;
- 2.2 Menggalakkan penglibatan ramai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam melonjakkan diri dan potensi diri sehingga ke peringkat antarabangsa; dan
- 2.3 Memartabatkan peranan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam agenda pendidikan negara.

## **3.0 KONSEP ANUGERAH**

Anugerah ini diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang masih berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan tersebut mestilah telah memberi sumbangan yang besar dan cemerlang pada peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama beliau juga telah memberi sumbangan besar kepada negara terutama kepada masyarakat, sekolah atau organisasi serta institusi tempat mereka berkhidmat. Penilaian Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni 2019 memfokuskan kecemerlangan dan pencapaian Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam bidang sukan, kokurikulum dan seni di peringkat antarabangsa. Anugerah ini hanya akan diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang benar-benar layak dan terbaik untuk menerima anugerah tersebut pada setiap tahun.

#### 4.0 SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Pencalonan ini terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang masih berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 4.2 Calon Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni perlu melalui proses pemilihan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri/Bahagian/Institusi Pendidikan dan diperakui oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dan Ketua Jabatan Bahagian yang diwakili;
- 4.3 Calon Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni hendaklah seseorang yang boleh dijadikan sumber rujukan (Pakar Rujuk) dalam bidang-bidang tertentu. Sumbangan beliau dalam bidang tersebut secara berterusan di peringkat antarabangsa;
- 4.4 Sumbangan dan kejayaan calon mengambilkira lima tahun perkhidmatan sebelum dicalonkan. Kepakaran calon juga perlu meliputi semua bidang serta memberi manfaat kepada semua dan mampu menjadi legasi dalam bidang sukan, kokurikulum dan seni kepada negara khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 4.5 Penilaian Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni tahun 2019 akan memfokuskan pencapaian dan pelibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sahaja;
- 4.6 Calon Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni mestilah seseorang yang dihormati semua (*respected*) dan mempunyai personaliti terbilang iaitu baik dari segi kelakuan, beradab dan bebas dari tindakan tatatertib mahupun isu-isu negatif terhadap peribadinya;
- 4.7 Calon Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni juga hendaklah seseorang yang boleh mempengaruhi orang lain dalam sumbangan bakti, kecemerlangan kerjaya serta personaliti, menjadi contoh ikutan "**Role Model**" kepada semua dan mampu memberi impak kepada potensi diri dan kemenjadian guru dan murid;
- 4.8 Calon Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni ini perlulah seorang yang "**Out-Standing & High Performance**" dalam apa jua bidang yang beliau ceburi dan wakili;
- 4.9 Calon **yang pernah dianugerahkan** sebagai Ikon Guru **tidak boleh** dicalonkan semula untuk pencalonan bagi tahun ini dan seterusnya;
- 4.10 Calon dimohon menyediakan satu video pendek berdurasi 1 minit dengan tajuk: Mengapa saya layak dinobatkan sebagai Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni Tahun 2019?

4.11 Semua pencalonan di peringkat JPN hendaklah dihantar kepada:

Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri  
u.p: Setiausaha Hari Guru Peringkat Negeri  
Jabatan Pendidikan Negeri (**seperti Lampiran**)

4.12 **Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah menghantar 3 (tiga) calon terbaik** ke Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni untuk penilaian peringkat seterusnya. Setiap pencalonan hendaklah dihantar bersama dokumen permohonan dalam bentuk '**hard-copy**' dan '**soft-copy**' kepada Urus Setia Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni; dan

4.13 Semua pencalonan yang telah melalui proses pemilihan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan Institusi berkaitan hendaklah sampai kepada urus setia pada atau sebelum **5 April 2019 (Jumaat)** di alamat :

**Urus Setia**

Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni  
Sempena Perayaan Hari Guru 2019  
Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni,  
Kementerian Pendidikan Malaysia,  
Aras 3, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya.

**u.p :** **Puan Nor Hapipah binti Haji Md Shah**  
**(03-88721650/0102255676)**  
**Encik Shamsudin bin Redza**  
**(03- 88721648)**

e-mel : [hapipah.mdshah@moe.gov.my](mailto:hapipah.mdshah@moe.gov.my) /  
[shamsudin.redza@moe.gov.my](mailto:shamsudin.redza@moe.gov.my)


4.14 Borang Pencalonan Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni boleh dimuat turun dari portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

4.15 Keputusan Jawatankuasa Panel Pemilihan Anugerah Ikon Guru Sukan, Kokurikulum dan Seni 2019 adalah muktamad.

## BORANG PENCALONAN

### JAWATANKUASA IKON GURU SUKAN, KOKURIKULUM DAN SENI SEMPENA PERAYAAN HARI GURU 2019 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

#### PENCALONAN IKON GURU (SUKAN/ KOKURIKULUM/ SENI)



#### 1. Maklumat Peribadi Calon :

- 1.1 Nama Calon : .....
- 1.2 No. Kad Pengenalan : .....
- 1.3 Umur : .....
- 1.4 Jantina : .....
- 1.5 Jawatan : .....
- 1.6 Nama dan Alamat Majikan:.....  
.....  
Poskod : .....
- No. Telefon (P) : .....
- No. Faks : .....
- 1.7 Tempoh Berkhidmat : .....
- 1.8 Alamat Rumah : .....
- .....  
Poskod : .....
- Negeri : .....
- No. Telefon (R) : .....
- No. (Hp) : .....
- E-mel : .....
- 1.9 Bidang Pengkhususan : .....
- Pencapaian

## 2. Kejayaan, Pelibatan dan Sumbangan

### 2.1 Peringkat Antarabangsa

Bil	Bidang	Penglibatan / Sumbangan	Kejayaan	Tahun

\* Mohon lampirkan **3 SAHAJA pencapaian terbaik** calon (salinan sijil pelibatan, sumbangan dan kejayaan)

### 2.2 Peringkat Kebangsaan

Bil	Bidang	Penglibatan / Sumbangan	Kejayaan	Tahun

\* Mohon lampirkan **3 SAHAJA pencapaian terbaik** calon (salinan sijil pelibatan, sumbangan dan kejayaan)

2.3 Markah LNPT : Tahun 2016 \_\_\_\_\_  
Tahun 2017 \_\_\_\_\_  
Tahun 2018 \_\_\_\_\_

### 2.4 Anugerah

Bil	Anugerah	Peringkat	Bidang	Tahun

\* Mohon lampirkan **SATU SAHAJA pencapaian anugerah terbaik** calon. Sila sertakan dokumen sokongan (salinan sijil anugerah)

## 2.5 Perakuan Calon

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberi di atas adalah benar.

Tandatangan Calon :

.....

(Nama : )

## 2.6 Ulasan Ketua Jabatan

Saya mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, maklumat yang diberikan adalah benar. Saya menyokong penuh permohonan ini.

Pengesahan Oleh Ketua Jabatan:

.....

(Nama : )

Cap :

## 2.7 Pengesahan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

Saya mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, maklumat yang diberikan adalah benar. Saya menyokong penuh permohonan ini.

Pengesahan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri:

.....

(Nama : )

Cap :

